

KOPERASI PROFESIONAL PUTRAJAYA BERHAD
ATURAN MODAL SYER

1. TAJUK

1.1 Aturan ini dinamakan "Aturan Modal Syer Koperasi Profesional Putrajaya Berhad.

2. TAFSIRAN

2.1 Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-

(a) "Akta" ertinya Akta Koperasi 1993;

(b) "Undang-undang Kecil" ertinya undang-undang kecil Koperasi Profesional Putrajaya Berhad;

(c) "Syer" ertinya bahagian dalam modal syer Koperasi ini yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotanya dalam Koperasi ini, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.

3. TUJUAN

3.1 Aturan ini diwujudkan di bawah undang-undang kecil 59(1) dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi ini.

3.2 Tujuan aturan ini diwujudkan adalah untuk:-

- 3.2.1 pemilikan Modal Syer mengikut perenggan 50(b) Akta Koperasi 1993;
- 3.2.2 memastikan keseimbangan serta koperasi berupaya, dari segi aktiviti ekonomi dan pelaburan untuk memberi pulangan terbaik kepada anggota (dividen konsisten sekurang-kurangnya 10% selepas zakat);
- 3.2.3 memastikan anggota bersama-sama atas semangat koperasi, menyumbang dari segi idea, tenaga, masa dan lain-lain untuk manfaat bersama;
- 3.2.4 memastikan ahli telah mencapai pegangan modal syer sekurang-kurangnya RM1,000 [dasar sedia ada]; dan
- 3.2.5 keadilan dan perkadaran bersesuaian di antara pegangan modal syer dan sumbangan ahli di dalam gerakan koperasi.

4. MODAL SYER DAN KELAYAKAN

4.1 Bagi maksud perenggan 50(1) Undang-undang Kecil Koperasi, setiap anggota hendaklah melanggan satu syer bersamaan RM100.00(ringgit satu ratus) sebagai sumbangan minimum yang hendaklah dijelaskan dalam tempoh 3 (tiga) bulan dan tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan itu tamat.

4.2 Setiap tambahan syer mestilah dalam gandaan RM100.00 (ringgit satu ratus) dan jumlahnya adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga.

- 4.3 Lembaga juga diberi kuasa untuk menetapkan jumlah maksimum tertentu bagi pelaburan modal syer anggota sehingga satu perlama modal syer Koperasi.
- 4.4 Anggota Koperasi sahaja yang layak untuk membeli syer daripada Koperasi.
- 4.5 Syer seseorang anggota yang mati akan diuruskan mengikut Undang-Undang Kecil Koperasi 60 fasal (3) dan (4).

5. PINDAHAN SYER

- 5.1 Seseorang anggota boleh memindahkan kepada anggota-anggota lain syer-syernya yang melebihi sumbangan minimum di bawah Undang-Undang Kecil Koperasi 60 dengan menandatangan borang pemindahan syer dan didaftarkan oleh Koperasi.

6. PENYELESAIAN MODAL SYER

- 6.1 Jika seseorang anggota yang tamat keanggotaannya oleh apa-apa sebab jua pun dan pemindahan tidak dapat dibuat menurut Undang-undang Kecil 61, maka syer-syer yang diperihalkan di dalam Undang-undang Kecil itu bolehlah ditebus oleh Koperasi tertakluk kepada aturan 6.2 ini.
- 6.2 Syer-syer boleh ditebus hanya dari Kumpulan Wang Penebusan Syer dan Kumpulan Wang Rizab Statutori tertakluk kepada Peraturan. Nilai tebusan syer-syer ini hendaklah mengikut sebagaimana yang ditunjukkan dalam akaun teraudit terakhir bagi Koperasi itu akan tetapi tidaklah boleh melebihi nilai asalnya.


7. PINDAAN KEPADA ATURAN

- 7.1 Aturan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Undang-undang Kecil Koperasi ini dan Akta serta Peraturan-peraturan.

Diakui aturan ini telah dibentang, dibincang dan diluluskan dalam
Mesyuarat Agung Tahunan ke 4 pada 30 September 2017
KOPERASI PROFESIONAL PUTRAJAYA BERHAD


(MOHD ARIF ADENAN)

(PENGURUSI)


(WAN MOHD HASIF WAN
MUHAMAT ALI)
(SETIAUSAHA)


(MOHD YUHANIS
MOHAMAD YUSOF)
(ANGGOTA LEMBAGA)